

TARIKH	13 / 11 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	20	RUANGAN	negara

Tabung Haji Perlis serah sumbangan zakat pendidikan



MOHD. SAWAL (barisan belakang, enam dari kiri) bergambar bersama sebahagian penerima sumbangan zakat pendidikan peringkat negeri Perlis di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan) Kangar, Perlis baru-baru ini.

SUMBANGAN. Tabung Haji (TH) cawangan Perlis mengagihkan zakat sebanyak RM32,500 kepada 65 pelajar sekolah dari sekitar Kangar pada Majlis Penyampaian Sumbangan Projek Iqra TH 2013 peringkat Perlis di Kangar baru-baru ini.

Pelajar tersebut yang terpilih daripada keluarga miskin dan kurang bernasib baik itu menerima RM500 setiap seorang membabitkan sumbangan kelengkapan sekolah dan wang saku.

Sumbangan itu sebagai satu program tanggungjawab sosial TH untuk membantu pelajar berkenaan bagi persiapan musim persekolahan tahun depan selain menyuntik motivasi kepada mereka untuk lebih bersungguh-sungguh dalam pelajaran.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut disempurnakan oleh Pengarah Tabung Haji Kedah/Perlis, Mohd. Sawal Abong. Turut hadir Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan), Shabariah Othman.